

10 JUN 2003

MAHATHIR-CUKAI

KERAJAAN MUNGKIN PERTIMBANG KURANGKAN CUKAI KORPORAT JIKA DAPAT TAMBAH PENDAPATAN

PUTRAJAYA, 10 Jun (Bernama) -- Kerajaan mungkin menimbang mengurangkan cukai korporat yang kini pada 28 peratus dalam Bajet 2004 sekiranya langkah ini membolehkan kerajaan mengumpul lebih banyak pendapatan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

"Terdapat beberapa cadangan ke arah pengurangan cukai korporat tetapi kami akan mengkaji sama ada ia adalah cara untuk meningkatkan pendapatan," katanya pada sidang media selepas sesi dialog Bajet 2004 dengan menteri-menteri besar, ketua-ketua Menteri dan anggota kelab penyokong kerajaan.

"Kerajaan tidak boleh berbelanja lebih dan mengutip pendapatan yang kurang tetapi terdapat contoh di mana menerusi pengurangan beberapa cukai kita boleh mengutip lebih cukai lain," katanya.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan berkata kerajaan boleh menerima cadangan seperti itu yang dapat membantu meningkatkan pendapatan negara.

"Tetapi kalau hanya nak minta kerajaan memberikan lebih banyak insentif, mengurangkan cukai dan membelanjakan banyak wang bagi prasarana, itu kita tak boleh lakukan," katanya.

Mengenai kutipan cukai, Dr Mahathir berkata pegawai-pegawai yang ditugaskan telah menjalankan tugas mereka dengan baik dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini apabila kutipan mencatatkan peningkatan yang mendadak kepada RM40 bilion.

Beliau juga berkata terdapat beberapa pembayar cukai yang tidak membayar cukai kerana mereka terlepas daripada perhatian pihak berkuasa.

Bagaimanapun beliau berkata golongan tersebut akan diberi perhatian juga nanti.

Mengenai rizab Malaysia, beliau berkata Bank Negara Malaysia menguruskan rizabnya dengan begitu baik dan ini membolehkannya meningkat kepada AS\$36 bilion pada ketika ini.

"Bagaimanapun ia tidak bermakna rizab tersebut dalam dolar AS. Mungkin rizab tersebut meningkat kerana euro meningkat berbanding dolar AS," katanya apabila ditanya sama ada Malaysia akan menambahkan bahagian euro daripada rizab tersebut.

Beliau berkata terpulanglah kepada BNM untuk menguruskan campuran mata wang.

Terdahulu ketika berucap di sesi dialog, Dr Mahathir yakin Malaysia akan mencapai lebih daripada unjuran pertumbuhan pada 4.5 peratus sekiranya kesemua 90 langkah yang terkandung dalam pakej ekonomi yang diumumkan pada 21 Mei lalu dilaksanakan dengan jayanya.

Bajet 2004 kali ini bertemakan "Menangani Persekitaran Luar yang Tidak Stabil dan Memastikan Pencapaian Pertumbuhan Berterusan". -- BERNAMA

MSL SHY ZK